



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	16/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	TNB			

TNB manfaat kepakaran firma tenaga Eropah

Tenaga Nasional Bhd (TNB) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Elia Group SA/NV (Elia), satu daripada operator sistem penghantaran terbesar dan bereputasi tinggi di Eropah.

MoU itu adalah bagi kerjasama strategik perkongsian amanah terbaik dan pengetahuan mendalam industri bagi mempercepatkan usaha TNB ke arah tenaga boleh baharu (RE) dan peralihan tenaga.

MoU yang dimeterai pada 13 Ogos lalu adalah yang kedua bersama Elia, satu daripada lima

operator sistem penghantaran terbaik di Eropah.

MoU pertama dimeterai pada September 2017 dan tamat pada September tahun lalu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din memeterai memorandum itu bagi pihak syarikat, manakala Elia diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Chris Peeters.

MoU itu dimeterai bagi tempoh dua tahun bah satu tahun.

Elia adalah operator sistem penghantaran beroperasi di Bel-

gium dan Jerman yang berkhidmat kepada hampir 30 juta pelanggan.

Ia memiliki lebih 19,000 kilometer (km) talian voltan tinggi di Belgium dan Jerman, selain memiliki lebih 45,000 megawatt (MW) kapasiti terpasang dalam tenaga boleh baharu.

Baharin berkata, MoU kedua dimeterai pada waktu yang amat penting selepas TNB melakukan penajajaran semula pertengahan penggal.

"Ia dilakukan bagi memastikan kumpulan sentiasa berada pada landasan betul untuk menghadapi perubahan pantas dari sudut alam sekitar dan reformasi industri bekalan elektrik negara.

"TNB akan melabur dalam jumlah yang besar dalam bidang RE dan menetapkan fokus kumpulan terhadap penjana rendah karbon, selaras dengan aspirasi kami untuk menjadi pembekal terunggul solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau menambah, TNB menerusi Bahagian Grid akan terus memberi keutamaan terhadap pelaburan dalam memodenkan grid kebangsaan agar ia menjadi grid masa hadapan, iaitu kekal berdaya harap dan berdaya tahan terhadap gangguan, pintar dengan teknologi digital serta fleksibel untuk memenuhi keperluan peralihan tenaga negara.



Baharin Din

BH, 16 Ogos
2021_38

